

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Institusi perkahwinan sebenarnya telah lama wujud di kalangan manusia dan amat tua sekali usianya. Ia wujud sejak kewujudan manusia yang pertama iaitu Adam a.s dan Hawa.¹ Hakikatnya perkahwinan merupakan suatu tradisi turun temurun yang mempunyai kepelbagaian bentuknya yang tersendiri berdasarkan adat budaya, kecenderungan dan geografi sesuatu tempat atau negara. Namun apa yang pasti dua bentuk perkahwinan yang menonjol dan diamalkan oleh masyarakat dunia sejak dari dahulu sehinggalah sekarang ada dua bentuk iaitu monogami dan poligami. Oleh itu perbincangan seterusnya akan mengupas lebih lanjut berhubung konsep perkahwinan dalam agama Islam dan Kristian yang menumpukan kepada aliran Roman Katholik.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Penulis memilih untuk mengkaji tajuk konsep perkahwinan untuk melihat sejauh mana kepentingan perkahwinan terhadap masyarakat masa kini. Pada dasarnya, semua agama di dunia mengiktiraf perkahwinan tetapi dalam manifestasi yang

¹ Kassim Ahmad (1984), *Teori Sains Sosial Moden*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, hal. 183. Lihat juga Abdullah Taib (1985), *Asas-asas Antropologi*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. hal. 131-133

berbeza. Apa sahaja bangsa dan agama mempunyai aplikasi perkahwinan yang berbeza menurut hukum dan peraturan masing-masing. Justeru penulis memfokuskan kajian kepada dua anutan terbesar dunia iaitu Islam dan Kristian Roman Katholik iaitu mazhab Kristian yang terbesar untuk melihat sejauh mana kepentingan perkahwinan kedua-dua agama ini. Kajian juga turut melihat objektif, tujuan, sumber hukum, syarat dan apa yang berhubung dengan konsep perkahwinan tersebut. Penulis kemudiannya menganalisa secara perbandingan konsep tersebut untuk melihat persamaan dan perbezaan antara Islam dan Kristian Roman Katholik. Kajian dibuat juga kerana mendapati perkahwinan berfungsi sebagai asas utama membentuk sistem kekeluargaan yang merupakan unit-unit kecil dalam masyarakat. Ini bererti pembentukan sesuatu ummah adalah bertitik tolak daripada kesejahteraan institusi kekeluargaan dan pelaksanaan institusi perkahwinan yang aman dan berobjektif.

1.3 Pengenalan Tajuk Kajian

Sebelum penulis mengupas tajuk dengan lebih terperinci, terlebih dahulu penulis akan memperjelaskan tentang pengertian tajuk yang dipilih. Tajuk kajian penulis ialah , “ **Konsep Perkahwinan Dalam Islam Dan Kristian : Kajian Perbandingan** ”. Penulis akan menghuraikan pengertian tajuk² secara literal dengan huraian perkataan-perkataan penting dalam tajuk kajian.

² Noesah Bt. Baharom, Hajah, (Ketua editor), (1997), Kamus Dewan Ed. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Konsep³ – (Konsepsi) pengertian (pendapat yang terbentuk dalam fikiran) mengenai sesuatu, tanggapan, gagasan idea – Rancangan (rencana, surat dan lain-lain), draf (surat dan lain-lain), rang.

Perkahwinan⁴ – Dari kata dasar kahwin- Perikatan yang sah antara lelaki dengan perempuan yang menjadi suami isteri, nikah .
Perkahwinan – Perihal berkahwin, pernikahan. Pergabungan (perpaduan dan sebagainya) antara dua unsur dan lain-lain yang berlainan.

Islam⁵ - Agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad (S.A.W)

Kristian⁶ - Agama yang dianuti oleh orang Kristian(penganut ajaran nabi Isa a.s iaitu agama Nasrani). **Roman Katholik** – Mazhab agama Kristian (yang di bawah pimpinan Paus/ Kaisar di Rom)

Berdasarkan pengertian tajuk di atas penulis dapat menyimpulkan bahawa kajian perbandingan mengenai konsep perkahwinan dalam agama Roman Katholik dan Islam merupakan suatu kajian yang mendasari asas institusi perkahwinan secara mendalam. Justeru kajian akan menyentuh takrifan dan realiti tersirat serta tersurat di

³ *Ibid.*, hal. 702

⁴ *Ibid.*, hal. 558

⁵ *Ibid.*, hal. 501

⁶ *Ibid.*, hal. 712

sebalik konsep perkahwinan secara komprehensif tapi mudah difahami menurut nilai dan justifikasi Islam.

1.4 Pernyataan Masalah Kajian

1. Melihat konsep perkahwinan yang terdapat di dalam agama Kristian terutama mazhab Roman Katholik dengan mendalami bentuk, asas, undang-undang dan budaya perkahwinan penganut-penganut Kristian secara lebih efektif.
2. Melihat konsep perkahwinan di dalam agama Islam dikaji dengan menjurus segala aspek berkaitan terutamanya perspektif yang membentuk hukum serta perundangan dalam agama Islam.
3. Melihat sejauh mana teori dan praktikal konsep perkahwinan menjadi pegangan dan apakah peranannya dalam membentuk institusi kekeluargaan serta kemasyarakatan masa kini.
- 4- Melakukan perbandingan analitikal terhadap konsep perkahwinan kedua-dua agama bagi mencari gambaran sebenar persamaan dan perbezaan dalam institusi perkahwinan dalam agama Islam dan Roman Katholik.

1.5 Skop Kajian

Penulis telah memilih tajuk “ Konsep Perkahwinan dalam Islam dan Kristian : Kajian Perbandingan” sebagai tajuk penyelidikan. Berdasarkan tajuk ini penulis telah memfokuskan secara terperinci mengenai perbandingan konsep perkahwinan dalam dua agama atau anutan terbesar dunia iaitu Islam dan Kristian.

Kajian ini lebih memberi tumpuan kepada konsep perkahwinan dan institusi kekeluargaan di dalam agama Islam iaitu dalam konteks Malaysia yang mengamalkan Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah (Mazhab al-Syafi'iyah) dan agama Kristian yang lebih tertumpu kepada aliran Roman Katholik. Kajian turut melihat konsep perkahwinan ini dari aspek definisi, dalil dan hujah, perkara-perkara yang dilakukan sebelum berlakunya perkahwinan seperti pertunangan dan sebagainya. Perkara ini dilihat untuk mendapatkan kefahaman sebenar mengenai institusi kekeluargaan dalam agama Islam dan Kristian Roman Katholik.

Skop kajian juga secara tidak langsung menyentuh kepentingan institusi perkahwinan sebagai asas utama pembentukan institusi keluarga dan kekeluargaan dalam agama Islam dan Kristian Roman Katholik.

1.6 Kepentingan Kajian

- 1- Kajian bertujuan mengklasifikasi beberapa aspek penting dalam perkahwinan dengan menilai kembali sejarah dan asas pembentukan bagi menjamin kualiti pembentukan institusi kekeluargaan yang merupakan faktor utama pembentukan komuniti masyarakat berkualiti melalui perkahwinan.

- 2- Kajian bertujuan melihat sejauhmana perkahwinan diterima oleh penganut kedua-dua agama sebagai satu keperluan sosialisasi dan keagamaan serta sejauhmana komitmen dan pengaplikasian mereka terhadap perkahwinan secara prinsipnya.

- 3- Perbandingan ini perlu antaranya untuk mengetengah beberapa isu penting dalam kedua-dua agama untuk dinilai semula secara lebih praktikal dan ilmiah bagi mencapai objektif sebenar perkahwinan iaitu ke arah keharmonian dan kesejahteraan sejagat. Perbandingan dibuat dengan agama Kristian kerana secara relatifnya ia dikatakan anutan paling hampir dengan Islam dari segi autoriti sumber asalnya iaitu dari agama Samawi yang dibawa oleh nabi Isa a.s.

1.7 Objektif Kajian

- 1- Menganalisis prinsip utama dalam proses pembentukan perkahwinan dalam agama Islam.
- 2- Menganalisis prinsip utama dalam proses pembentukan perkahwinan dalam agama Kristian dengan tumpuan kepada aliran Roman Katholik.
- 3- Menganalisis proses pembubaran perkahwinan menurut perspektif perundangan Agama Islam dan Agama Kristian Roman Katholik.
- 4- Menganalisis nilai-nilai persamaan dan perbezaan konsep perkahwinan dalam agama Islam dan Kristian Roman Katholik.

1.8 Kajian Terdahulu (*Literature Review*)

Berdasarkan pemerhatian dan penilaian penulis tajuk berkaitan perkahwinan telah banyak ditulis samada dalam bentuk buku, artikel, jurnal dan latihan ilmiah. Sehingga kini terdapat beberapa kajian yang menyentuh secara langsung dan agak bertepatan dengan tajuk kajian di atas. Kebanyakan kajian tersebut banyak menyentuh dan memfokuskan aspek perkahwinan dari sudut definisi, adat secara khusus, perbandingan adat dan budaya, objektif, hukum perkahwinan, undang-undang perceraian Islam dan yang berkaitan dengannya. Pada dasarnya di dalam ruang lingkup

pembacaan penulis setakat ini, kajian perbandingan antara agama mengenai perkahwinan telah dibuat di peringkat Sarjana Muda dan terdapat juga di peringkat Sarjana, maka secara tidak langsung penulis mendapat hasil minimum daripadanya.

Antaranya ialah kajian peringkat Sarjana Muda yang agak bertepatan dengan tujuan dan matlamat tajuk kajian penulis iaitu tesis Wan Noorul-Inn bertajuk; ***“Kajian Perbandingan Konsep Perkahwinan antara Antropologi Barat dan Timur”*** yang menyentuh konsep perkahwinan Barat dan Timur secara umum. Kajian ini memberi input dalam bentuk metodologi yang digunakan iaitu komparatif atau perbandingan. Begitu juga asas perkahwinan timur dan barat dalam kajian ini turut memberi gambaran kepada penulis mengenai perbandingan konsep perkahwinan secara kolektif. Justeru, penulis telah memfokuskan kajian mengenai konsep perkahwinan secara komparatif dengan mengkhususkan subjek kajian kepada agama Islam dan Kristian Roman Katholik. Relatifnya, walaupun terdapat persamaan dari beberapa sudut asas perkahwinan, namun antara kedua-dua agama tetap terdapat perbezaan yang perlu dikaji serta diketengahkan secara global dan analitikal, khususnya dari aspek pengamalan, pengertian sebenar konsep, tujuan dan juga falsafah perkahwinan.

Begitu juga tesis tulisan Awg Hidzel Bin Awg Bujang (1991), bertajuk, ***“Prinsip dan Asas Perceraian: Perbandingan Antara Undang-undang Sivil dan Undang-undang Islam”***, (Kertas Projek, Fakulti Syariah, Universiti Malaya). Kajian perbandingan antara undang-undang Sivil dan Islam dalam prinsip asas perceraian ini secara tidak langsung telah memberi input dan petunjuk kepada penulis

dalam menelusuri prosedur undang-undang dan juga hak selepas berlakunya perceraian iaitu dalam konteks agama Islam dan Kristian khususnya Roman Katholik. Prinsipnya penulis membuat pemilihan tajuk dengan menambah pelbagai input dari pelbagai sumber dalam menjana penulisan yang lebih praktikal dan komprehensif.

Selain itu juga terdapat banyak kajian ilmiah yang menyentuh tentang adat perkahwinan Melayu, Hindu, Perpatih dan beberapa suku kaum di Malaysia seperti Iban, Bajau, dan lain-lain. Terdapat juga kajian yang menyentuh secara tidak langsung tentang undang-undang perkahwinan Islam secara deskriptifnya seperti amalan poligami dan sebagainya. Antaranya ialah;

- (i) ***“Adat Perkahwinan Masyarakat Hindu dan Melayu Satu Kajian Perbandingan”*** oleh Nurbaya bt. Abd. Malek. (1999) Kajian tersebut tertumpu kepada adat perkahwinan masyarakat di Malaysia dan membincangkan kesepaduan antara keduanya.
- (ii) ***“Adat Istiadat Perkahwinan Melayu: Satu Kajian Kes di Pasir Puteh, Kelantan”***, oleh Tuan Rohaya Tuan Soh (2002). Ia menumpukan kajian tentang adat dan upacara perkahwinan masyarakat Melayu di Kelantan secara terperinci.
- (iii) ***“Perlaksanaan Majlis Perkahwinan dalam Masyarakat Islam : Suatu Kajian di Pantai Hill Park Pantai Dalam”*** oleh Norlisam Idris (2000) yang jelas menyentuh tentang adat dan upacara majlis perkahwinan.

- (iv) ***“Prosedur Perkahwinan di Negeri Pahang: Kajian di Daerah Pekan”***
oleh Kamarohida Kamaluddin (1998) yang nyata membincangkan tentang prosedur perkahwinan secara khusus.
- (v) ***“Perkahwinan Wanita Hamil Luar Nikah, Hukum Menurut Pandangan Fuqaha”*** oleh Ummal Kalshom M. Kasim (1993). Ia membincangkan tentang hukum dan undang-undang bagi wanita yang hamil sebelum kahwin dengan menyatakan konsep hukum secara jelas dalam Islam.
- (vi) ***“Perkahwinan Adat Perpatih di Kalangan Masyarakat Minangkabau: Satu Kajian Kes di Kampung Titian Bintangor..?”***
oleh See Ling, Ong (2002). Ia menjelaskan tentang bagaimana prosedur perkahwinan adat perpatih dalam masyarakat Minangkabau terlaksana menurut perundangan adat Perpatih

Antara beberapa buah buku berkaitan dengan tajuk perkahwinan seperti tulisan berikut :

- (i) ***Perkahwinan Menurut Pandangan Islam*** oleh Harussani Hj. Zakaria (1976). Penulis mendapat pelbagai sumber mengenai

perkahwinan dari pembentukan perkahwinan seperti definisi pertunangan, hukum, objektif, rukun perkahwinan dan lain-lain.

- (ii) ***Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*** oleh Profesor Tan Sri Ahmad Ibrahim (1999). Buku ini banyak memberi input kepada penulis dalam konteks pembentukan perkahwinan sehinggalah kepada pembubaran perkahwinan menurut Undang-undang Islam.
- (iii) ***Pedoman Mu'amalat dan Munakahat*** oleh Haji Osman Bin Jantan (2001). Prinsipnya ia menjelaskan konsep-konsep asas dalam pembentukan perkahwinan dalam agama Islam.
- (iv) ***Undang-undang Keluarga Islam, Aturan Perkahwinan, Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa***, oleh Prof. Madya Dr. Mat Saad Abd. Rahman, (Oktober 1993). Penulis mendapat banyak input mengenai Undang-undang Keluarga Islam yang merangkumi peraturan perkahwinan, kekeluargaan dan isu-isu yang berkaitan dengannya berdasarkan amalan semasa.
- (v) ***Perkahwinan dan Kekeluargaan: Menurut Perspektif Islam*** oleh Mohd. Roshdi Yusof (1993). Ia menjurus kepada pembentukan keluarga dan kekeluargaan melalui konsep perkahwinan Islam.
- (vi) ***Hukum Perkahwinan Islam*** oleh Abdullah Siddiq (1968). Buku ini menjurus kepada prinsip dan hukum perkahwinan Islam dengan penjelasan sumber dalil, pandangan para ulamak dan sebagainya.
- (vii) ***Fiqh, al-Nisa' Fi al-Khitbah Wa al-Zawaj*** oleh Abdul Rafiq 'Uthman (t.t). Penulis mendapat banyak input dari buku ini yang menjelaskan konsep dan prinsip asas perkahwinan Islam secara

menyeluruh seperti definisi, pertunangan, akad nikah, rukun, syarat seinggalah kepada pembubaran perkahwinan Islam seperti talak, hak hukum selepas perkahwinan dan lain-lain.

- (viii) *Kitab Al-Fiqh 'Ala Al-Madhahib Al-Arba'ah*, oleh 'Abdul Rahman al-Jaziri, (1986). Penulis mendapat penjelasan data dan input mengenai perkahwinan seperti hukum, dalil, definisi dan lain-lain menurut pandangan empat mazhab dalam Islam iaitu Syafi'e, Hanafi, Maliki dan Hambali.
- (ix) *Al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuh*, oleh Dr.Wahbah al-Zuhaili, (1989). Penulis mendapat input yang menjelaskan banyak perkara mengenai hal ehwal fiqh Islam dalam buku ini khususnya dalam perkahwinan dan kekeluargaan Islam iaitu menurut pandangan empat mazhab dalam konteks hukum dan perundangan Islam.
- (x) *The Islamic Concept of Marriage* oleh Abdul Jalil Hj. Muhd. Hassan (1982). Penulis mendapat banyak data mengenai konsep perkahwinan Islam secara lebih terperinci iaitu dari sudut definisi, prinsip asas, pembubaran perkahwinan dan yang berkaitan dengannya menurut Undang-undang Islam khususnya di Malaysia.
- (xi) *The History of Human Marriage* oleh Prof. Edward Westermack (1971). Banyak data diperolehi hasil tulisan Westermack dalam buku ini seperti latar belakang dan sejarah perkahwinan manusia di dunia khususnya di barat.
- (xii) *Seven Principles to Making Marriage Work*, oleh Gottman, John M. (2000). Penulis mendapat banyak input mengenai prinsip

perkahwinan dan lain-lain yang dikemukakan oleh pengkaji perkahwinan dan juga kaunselor dalam perhubungan.

- (xiii) ***How's Your Marriage? A Book For Men and Women***, oleh Myers, Michael F., M.D. (1998). Penulis merujuk data dalam buku ini yang menjelaskan beberapa panduan dan bimbingan daripada pakar terapi perkahwinan kepada pasangan untuk memperbaiki dan mengeratkan hubungan dalam sesebuah perkahwinan.
- (xiv) ***The Love They Lost: Living The Legacy of Our Parent's Divorce***, oleh Staal, Stephanie (2001). Penulis merujuk data dalam buku ini yang menjelaskan tentang implikasi perceraian ibu bapa dengan kesan jangka panjang dan pendek terhadap kanak-kanak dewasa.
- (xv) ***Divorce Busting***, oleh Michele Weiner Davis (1992). Menurut kajian, perceraian bukanlah menjadi jawapan kepada masalah rumahtangga. Ini kerana ramai pasangan yang telah bercerai masih dihantui oleh kenangan bersama bekas pasangan. Oleh itu, penulis buku mencadangkan ada banyak langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan perceraian seperti melakukan perubahan dalam diri setiap pasangan bagi mengekalkan hubungan dalam rumahtangga.
- (xvi) ***Parenting That Works. Building Skills That Last A Lifetime***, Oleh Edward R. Christophersen dan Susan L. Mortweet, (2002). Isi kandungan buku ini menekankan tentang peranan ibu bapa selepas berlakunya perceraian. Ibu bapa perlu mempertingkatkan kemahiran, menyediakan maklum balas yang positif kepada anak-anak, melatih anak-anak untuk berdisiplin, membina kemahiran

kendiri, menggalakkan bersikap berdikari, menghindarkan daripada bersikap agresif serta menguruskan anak-anak dari jauh.

- (xvii) ***Family Systems In America***, oleh Ira L. Reiss dan Gary R. Lee (1988). Penulis mendapat data mengenai masa depan sistem kekeluargaan di Amerika. Buku tersebut menekankan persamaan hak antara gender, kebebasan memilih pasangan dan lain-lain ke arah membentuk institusi perkahwinan dan juga kekeluargaan. Perkara utama yang mempengaruhi sistem sosial (sistem keluarga dan budaya) di Amerika adalah berkait rapat dengan senario politik, pendidikan, ekonomi dan agama di Amerika Syarikat.
- (xviii) ***Highly Effective Marriage***, oleh Nancy L. Van Pelt, (2000). Buku ini menerangkan beberapa faktor dan ciri-ciri yang boleh mempertingkatkan kualiti perhubungan dalam sesebuah perkahwinan. Contohnya, mempamerkan cinta dan kasih sayang antara suami isteri, mempunyai rasa selamat, penghargaan terhadap segala bentuk usaha kecil yang dilakukan, perhatian yang romantik, penerimaan terhadap pasangan dan lain-lain.
- (xix) ***The Marriage and Family Experience***, oleh Byran Strong (et.al), (2008). Buku ini mengupas banyak perkara iaitu tentang perhubungan, perkahwinan dan kekeluargaan secara menyeluruh. Contohnya, definisi perkahwinan, persahabatan, cinta, keintiman, peranan dan tanggungjawab ibu bapa, perceraian dan sebagainya.

Pengembangan fungsi perkahwinan amat perlu untuk membentuk unsur-unsur bersepadu sebagai asas pembangunan ummah berkualiti dan dinamik. Maka kajian ini secara tidak langsung mengupas asas pembentukan komuniti masyarakat Malaysia berbilang kaum dalam komuniti agama yang dirujuk kepada Islam dan Kristian. Oleh yang demikian penulis akan memaparkan kajian yang dipilih dengan mengupas serta menganalisis konsep perkahwinan dari persepsi agama Kristian dan melakukan justifikasi menurut perspektif Islam.

Kupasan tajuk lebih tertumpu kepada asas-asas pembentukan konsep dan keistimewaan perkahwinan untuk memperolehi noktah penyelesaian kepada pelbagai konflik institusi perkahwinan dunia hari ini yang mana ia memanipulasi perkembangan sosio-masyarakat dunia sepanjang zaman.

1.9 Metodologi Penyelidikan

Perkataan metodologi berasal daripada perkataan Greek iaitu '*Methods*' yang bermaksud metode/ cara dan '*logos*' yang bermaksud pengajian. Perkataan metode diertikan sebagai cara melakukan sesuatu atau sistem.⁷ Apabila perkataan 'metode' dan 'logos' digabungkan, maka terbit perkataan metodologi yang bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin.⁸

⁷ Noresah Bt. Baharom, Hajah, (Ketua editor), (2002), *ibid.*, hal. 887.

⁸ *Ibid.*

Proses penyelidikan ini memerlukan beberapa metod yang digunakan untuk sampai kepada matlamat dan tujuan yang benar-benar menepati tajuk penyelidikan iaitu :

- (i) Metode Pengumpulan Data
- (ii) Metode Analisa Data

1.9.1 Metode Pengumpulan Data

Penulis menggunakan metode pengumpulan data untuk melaksanakan proses kajian ini. Pengumpulan data dibuat melalui dua cara iaitu menggunakan Kajian Perpustakaan (*Library Research*) dan Kajian Lapangan (*Field Research*). Namun kajian lebih tertumpu kepada perpustakaan atau ilmiah kerana kredibiliti tajuk lebih menjurus bahan berbentuk fakta, maklumat dan data di perpustakaan. Selebihnya kajian lapangan sebagai pelengkap dan pengukuh data dokumentasi yang diperolehi untuk dinilai dan dianalisa melalui metode temubual dan pemerhatian sahaja.

Di dalam proses menyiapkan kajian ini penulis mengunjungi beberapa buah perpustakaan untuk mendapatkan data, maklumat, fakta serta lain-lain dokumen seperti buku, majalah, jurnal, kertas persidangan dan sebagainya. Penulis juga turut menggunakan saluran internet sebagai penambah dan

pelengkap data yang diperolehi. Antara perpustakaan yang dikunjungi penulis ialah :

- (a) Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Lembah Pantai Kuala Lumpur.
- (b) Perpustakaan Awam Pusat Islam Malaysia Kuala Lumpur
- (c) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur
- (d) Perpustakaan Undang-undang Universiti Malaya Kuala Lumpur
- (e) Perpustakaan Za'aba Universiti Malaya Kuala Lumpur
- (f) Perpustakaan Negara, Jalan Tun Razak Kuala Lumpur.
- (g) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak Selangor
- (h) Perpustakaan Matrikulasi UIA Petaling Jaya Selangor.
- (i) Perpustakaan Darul Quran JAKIM Kuala Kubu Bharu Selangor
- (j) Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
- (k) *Catholic Research Centre*, Jalan Bukit Nanas
- (l) Perpustakaan Awam Kuching, Sarawak

Berikut adalah antara metode pengumpulan data yang digunakan penulis sepanjang proses penyelidikan iaitu :

(i) Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi ialah cara mengumpulkan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen dan data berhubung dengan permasalahan yang dikaji. Penulis menggunakan metode ini untuk mengkaji dan mendapatkan maklumat daripada bahan rujukan berbentuk buku, dokumen, jurnal, majalah, keratan akhbar dan sebagainya. Namun dokumen utama menjadi sumber rujukan penulis ialah :

- (a) Kitab Suci al-Quran
- (b) Al-Hadith Rasulullah (S.A.W)
- (c) Bible iaitu '*The Old Testament*' dan '*The New Testament*'

(ii) Metode Pensejarahan (*History Metode*)

Metode ini digunakan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai dan maklumat sejarah. Ini kerana penelitian sejarah mengandungi fakta-fakta yang sahih dan tidak boleh diselewengkan. Penulis menggunakan metode ini untuk mendapatkan data mengenai sejarah dan latar belakang perkahwinan yang terdapat di kalangan manusia di dalam bab satu. Selain itu metode ini digunakan sebagai satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai bentuk perkahwinan di kalangan manusia sejagat.

(iii) Metode Temubual (*Interview*)

Metode ini merupakan temubual atau wawancara penulis dengan responden yang terpilih untuk mendapatkan data dan fakta mengenai tajuk kajian yang dibuat semasa proses penyelidikan berlaku.

(iv) Metode Pemerhatian (*Observation*)

Metode ini merupakan pemerhatian secara langsung dan tidak langsung permasalahan kajian semasa proses penyelidikan berlaku. Ia merupakan pelengkap kepada semua metode yang dikemukakan di atas.

1.9.2 Metode Analisa Data

Metode ini digunakan bagi menganalisis, meneliti dan mengolah data-data yang terkumpul setelah melalui metode pengumpulan data tadi. Antara metode analisa data yang digunakan oleh penulis untuk mencapai matlamat tersebut ialah :

(i) Metode Induktif

Ia merupakan satu cara bagi menganalisis data-data melalui pola berfikir dengan mencari bukti keterangan dari perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil bersifat umum. Penulis banyak menggunakan metode ini dalam bab dua dan tiga. Contohnya dalam mendapatkan pandangan secara umum tentang latar belakang konsep dan takrifan perkahwinan di dalam Islam dan Kristian. Dalil khusus mengenai prinsip-prinsip asas undang-undang, hukum, teknik pembentukan dan metode penyelesaian masalah kajian banyak digunakan berdasarkan nas *Qat'ie* di dalam kitab suci al-Quran dan al-Hadith. Ia kemudian dibuat perbandingan kritis dengan mengemukakan dalil pembuktian sumber agama Kristian iaitu Bible (*The Old and New Testament*) mengenai konsep perkahwinan secara analitikal dan komparatif.

(ii) Metode Deduktif

Iaitu cara menganalisis data melalui penulisan berdasarkan cara dan pola berfikir dengan mencari pembuktian dari butir-butir dan sumber dalil bersifat umum bagi mendapatkan perkara yang khusus. Metode ini banyak digunakan dalam bab dua, tiga dan empat. Contohnya dalam usaha memberikan atau menjelaskan kesimpulan tentang makna dan konsep perkahwinan dalam Islam dan Kristian, beberapa pandangan sarjana dan ahli teologi Islam dan Kristian, Timur dan Barat diambil dalam memberikan suatu

pengertian khusus tentang hakikat konsep perkahwinan dari pelbagai aspek menyeluruh.

(iii) Metode Komparatif

Metode ini digunakan bertujuan membuat kesimpulan dengan membuat perbandingan terhadap beberapa data yang didapati semasa penelitian dijalankan. Data dan fakta tersebut dikumpulkan serta dibuat perbandingan secara tepat dan saksama. Jelas metode ini banyak digunakan dalam bab empat. Contoh melalui perbandingan Kristian dan Islam tentang beberapa konsep asas perkahwinan seperti objektif, 'akad, syarat, upacara, tujuan, bentuk yang secara relatifnya berbeza, hukum perkahwinan, upacara perkahwinan dan sebagainya dalam Kristian dan Islam bagi mencari titik pertemuan serta penyelesaian permasalahan kajian secara lebih efektif. Di samping meneliti kesepaduan dan keharmonian teori bagi mendapatkan satu nilai positif ke arah pembangunan institusi perkahwinan secara umum melalui pendekatan global diskusi falsafah dan tuntutan kedua-dua agama.

1.10 Susunan Penulisan

Penulis membahagikan kajian ini kepada tiga klasifikasi utama iaitu:

a. Bahagian Pendahuluan

Bahagian ini mengandungi halaman judul, abstrak, penghargaan, isi kandungan, jadual transliterasi huruf dan senarai singkatan.

b. Bahagian Isi

Penulis dalam membahaskan kajian ini, telah membahagikan penulisan kepada lima bab. Di dalam setiap bab terkandung sub-sub yang mengandungi perbincangan tertentu berdasarkan kepada kajian yang dibuat.

Bab Satu

Bab ini merupakan gambaran kepada keseluruhan bab kajian. Penulis menghuraikan pengenalan perkahwinan secara umum, latar belakang masalah kajian, pengenalan tajuk kajian, skop kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, kajian terdahulu, metodologi penyelidikan dan susunan penulisan. Secara ringkasnya bab ini adalah permulaan kepada bab-bab seterusnya.

Bab Dua

Bab ini merupakan penjelasan kepada bab pertama. Ia membahaskan landasan teori bagi kajian ini. Penulis membincangkan mengenai konsep perkahwinan menurut Islam

yang merangkumi definisi, hukum, sumber hukum, objektif, tujuan, metode pelaksanaan dan pembubaran perkahwinan. Ia turut membincangkan syarat-syarat perkahwinan Islam secara lebih terperinci menurut Undang-undang Islam. Bab ini juga menjelaskan secara ilmiah tentang asas pembentukan perkahwinan dalam Islam yang konseptualnya meliputi pemilihan pasangan, pertunangan, ‘akad nikah serta upacara perkahwinan secara menyeluruh. Bab ini turut meninjau lebih jauh lagi dengan penjelasan isu-isu penting perkahwinan dalam agama Islam kerana ianya merupakan titik tolak pembentukan komuniti serta pembangunan peradaban umat Islam sejagat.

Bab Tiga

Bab ini merupakan lanjutan kepada landasan teori. Di sini penulis membincangkan mengenai konsep perkahwinan menurut agama Kristian Roman Katholik yang merangkumi definisi, hukum, sumber hukum, objektif, tujuan, metode pelaksanaan dan pembubaran perkahwinan. Ia turut membincangkan syarat-syarat perkahwinan Roman Katholik secara lebih terperinci untuk melihat sejauh mana pentingnya syarat dipenuhi bagi memastikan proses perkahwinan sempurna serta diiktiraf oleh gereja dan masyarakat. Bab ini juga menjelaskan secara ilmiah tentang asas pembentukan perkahwinan dalam agama Kristian yang konseptualnya meliputi pemilihan pasangan, pertunangan, ‘akad nikah serta upacara perkahwinan. Bab ini melihat isu-isu penting dalam perkahwinan sebagai asas utama dalam pembentukan dan pembangunan komuniti agama Kristian Roman Katholik.

Bab Empat

Bab ini merupakan bab klimaks dalam proses penyelidikan penulis kerana ia akan membincangkan serta mengupas tentang analisa perbandingan dari hasil dapatan data kedua-dua konsep perkahwinan di dalam Islam dan Kristian Roman Katholik secara kritis dan analitikal. Perbahasan seterusnya memfokuskan secara komparatif dan global tentang sejauh mana ukuran nilai-nilai persamaan dan perbezaan konsep perkahwinan tersebut dengan mengambil pendekatan rasional, telus dan menyepadukan nilai-nilai positif secara kolektif, elektif dan juga efektif.

Bab Lima

Bab ini merupakan penutup segala bab terdahulu yang mengandungi kesimpulan dan rumusan kajian yang dibuat. Penulis melakukan analisis secara keseluruhan tentang permasalahan yang dikaji. Sebagai pelengkap kajian penulis mengemukakan beberapa saranan dan komentar mengenai konsep perkahwinan masa kini dengan mengambil kira kualiti perkahwinan di dalam agama Islam dan Kristian Roman Katholik. Secara tidak langsung ia menjelaskan pendekatan penyelesaian konflik perkahwinan yang berlaku dalam era globalisasi ini. Ia juga sekaligus memperlihatkan falsafah institusi perkahwinan dalam pembentukan komuniti dan pembangunan peradaban ummah yang berkualiti sepertimana yang ditekankan oleh ajaran Islam. Begitu juga memperlihatkan

konsep perkahwinan dalam konteks pembangunan falsafah agama Kristian Roman
Katholik yang menggambarkan imej Tuhan.

c. Bahagian Penutup

Bahagian ini merupakan bab terakhir dalam penulisan ini. Dalam bahagian ini
dimuatkan bibliografi dan lampiran.